



# Symphony Heights tarik minat pembeli

## Projek pangsapuri di kawasan strategik dijual dengan harga berpatutan bermula RM135,200

Oleh Ahmad Farizal Hajat  
ahmadfarizal@bharian.com.my

**S**YMPHONY Heights, projek kediaman terbaru yang diketengahkan Hua Yang Bhd di Selayang berpotensi menarik minat pembeli dan pelabur hartanah susulan unsur harganya yang berpatutan serta kedudukannya di lokasi strategik.

Terletak hanya 15 minit dari Bandaraya Kuala Lumpur, Symphony Heights mudah diakses menerusi lapan laluan iaitu Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2), Lebuhraya Bertingkat Ampang Kuala Lumpur, Jalan Ipoh Rawang, Lebuhraya Lembah Klang Baru (NKVE), Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Lebuhraya Guthrie Koridor, Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dan Lebuhraya Karak.

Dimajukan oleh Daya Niaga Sdn Bhd, anak syarikat Hua Yang, projek kediaman itu dibina di kawasan seluas seluas 1.188 hektar di Selayang.

Ia menampilkan tiga blok pangsapuri servis setinggi 29, 30 dan 33 tingkat dengan harga jualan bermula dari RM135,200 sehingga RM324,500 seunit.

Ketua Operasi Hua Yang, Ho Wen Yan, berkata dengan kelebihan dari segi lokasi dan kemudahan akses, projek itu wajar dipertimbangkan sebagai antara pelaburan baik kepada pembeli.

"Nilai kasar keseluruhan projek itu dijangka menjana sebanyak RM200 juta yang mana secara keseluruhan, kami menampilkan 946 unit pangsapuri bagi projek ini," katanya.

Menurut Wen Yan, fasa 1 projek itu yang terdiri dari-



**SYMPHONY Heights, Selayang.**



**“**Walaupun Fasa 1 sudah habis dijual, pembeli jangan risau kerana mereka boleh membeli kediaman dalam Fasa 2 dan dan 3 yang turut menampilkan keluasan binaan yang sama iaitu bermula dari 850 kaki persegi hingga 1,400 kaki persegi untuk setiap unit”

**Ho Wen Yan**  
Ketua Operasi Hua Yang

**FAKTA NOMBOR**

**1.188**  
hektar  
Keluasan kawasan Symphony Heights

---

**946**  
unit  
Pangsapuri Symphony Heights

---

**544**  
unit  
Pangsapuri fasa 1 dilancarkan pada Julai 2008 habis dijual

pada 544 unit pangsapuri dilancarkan pada Julai 2008 dan dijadualkan siap dibina sebelum Julai 2011 itu kini sudah habis dijual.

Katanya, ia terdiri daripada dua bilik tidur dan tiga bilik tidur dengan menampilkan keluasan 863 kaki persegi (kp), 879 kp dan 950 kp; serta empat bilik tidur dengan keluasan 1,246 kp.

Selain ruang bilik yang selesa, Wen Yan berkata, penghuni turut menikmati kemudahan seperti kolam renang, gelanggang skuasy, dewan komuniti, kafeteria di pinggir kolam, kawasan lapang untuk senaman, taman kanak-kanak, gimnasium dan medan tempat letak kereta yang beratap penuh.

"Kemudahan itu sejajar dengan objektif untuk menyediakan kediaman yang mampu dimiliki dengan pakej yang menarik di lokasi strategik.

"Walaupun Fasa 1 sudah habis dijual, pembeli jangan risau kerana mereka boleh

membeli kediaman dalam Fasa 2 dan dan 3 yang turut menampilkan keluasan binaan yang sama iaitu bermula dari 850 kaki persegi hingga 1,400 kaki persegi untuk setiap unit," katanya sambil menambah keseluruhan tiga fasa pembangunan projek itu dijangka akan diserahkan kepada pembeli bermula 2011 hingga 2012.

Selain mengekalkan unit kediaman yang mampu milik, Hua Yang juga menampilkan seni binaan seiring dengan reka bentuk kontemporari, di mana ruang pangsapuri yang berbentuk empat segi bagi membolehkan pembeli memaksimumkan kegunaan ruang, selain semua kediaman berorientasikan arah utara-selatan bagi mengelakkan cahaya matahari secara langsung.

Untuk maklumat lanjut, pembeli yang berminat boleh melayari laman web [www.huayang.com.my](http://www.huayang.com.my).